

BULETIN KELESTARIAN

BAHAGIAN PENDAFTAR, UTM KUALA LUMPUR



GARDEN CHALLENGE TAMAN MINI BPKL 2020

Oleh Nurul Syahida (16 Julai 2020)

"Program "Garden Challenge Taman Mini BPKL 2020 diadakan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran terhadap kelestarian hijau dan kepentingan amalan gaya hidup sihat disamping memupuk semangat kebersamaan dalam aspek kehidupan seharian. Program ini telah dirasmikan oleh Ketua Bahagian, Bahagian Pendaftar UTMKL (BPKL), Tn. Hj. Mohd Najib bin Masroom di Taman Mini BPKL UTMKL.

Antara objektif utama program ini adalah untuk menyokong pelestarian kampus yang telah diwajibkan melalui Lifesyle@UTMKL. Disamping itu juga, bagi menyokong penajaran ini, semua staf perlu membawa bekas makanan dan minuman sendiri bagi menyokong inisiatif pelestarian yang telah dianjurkan bersama Kelab Kebajikan Staf BPKL (KLAPP).

Aktiviti ini dimulakan dengan gotong-royong perdana membabitkan staf dari Pejabat Pentadbiran dan Seksyen Keselamatan BPKL serta diakhiri dengan penyampaian hadiah-hadiah kemenangan secara berkumpulan.

Semoga dengan adanya program seumpama ini dapat menyemarakkan semangat kelestarian agar keseimbangan dari aspek rohani dan jasmani dapat dicapai.

